

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
30 OKTOBER 2012**

---

**1. PELANCARAN MUKA BARU MPSPNET DAN PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN LAMAN WEB JABATAN**

Sukacita dimaklumkan selepas Mesyuarat Majlis Penuh ini akan diadakan Majlis Penyampaian Hadiah Pemenang Laman Web Jabatan dan Pelancaran MPSPNET muka baru. Penyampaian hadiah ini adalah sebagai insentif kepada jabatan manakala pelancaran MPSPNET sebagai memberi wajah baru kepada semua kakitangan MPSP untuk melancarkan tugas seharian.

**2. SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI**

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada warga MPSP yang menganut agama Hindu dan juga kepada seluruh penganut agama Hindu di Pulau Pinang yang akan disambut pada 13 November 2012 (Selasa).

**3. SELAMAT MENYAMBUT AWAL MUHARRAM 1434H HIJRAH**

Adalah dimaklumkan bahawa Awal Muharam (Maal Hijrah) 1434 Hijrah tahun ini adalah bersamaan dengan 15 November 2012 (Khamis) dan merupakan Hari Kelepasan Am.

#### **4. KEMPEN NO POLYSTRINE DI PASAR MALAM**

Dimaklumkan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah merancang aktiviti Kempen No Polystyrene di pasar malam bagi tahun 2012. Maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Pelesenan, Tuan Syed Abdul Rahman Bin Saiyid Hashim di talian 04 5497683 atau email [syed@mpsp.gov.my](mailto:syed@mpsp.gov.my) bagi tujuan penyelarasan.

*Dilampirkan jadual bagi aktiviti Kempen No Polystyrene Di Pasar Malam*

#### **5. PROGRAM MPSP GREEN RIDE**

Dimaklumkan bahawa MPSP akan mengadakan program berbasikal MPSP Green Ride bagi daerah Seberang Perai Selatan pada 9 Disember 2012 (Ahad), jam 7:00 pagi. Anggaran jarak kayuhan adalah sejauh 20.5 km dan bermula dari Taman Negeri Bukit Panchor (Jalan Taman Bukit Negeri) – P148 (Jalan Sungai Kechil) – P146 (Jalan Sungai Kechil) – P144 – Berhenti untuk minum dan rehat di USM Engineering Campus – P146 (Jalan Sungai Kechil) – P144 – P148 (Jalan Sungai Kechil) - Taman Negeri Bukit Panchor (Jalan Taman Bukit Negeri). Acara pelepasan peserta (flag off) akan disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas.

Tuan-tuan dan puan-puan yang berada di sini, dijemput hadir ke program tersebut.

## **6. DUN PULAU PINANG BERSIDANG PADA NOVEMBER 2012**

Dimaklumkan Mesyuarat kedua bagi penggal ketiga sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang dijadualkan bersidang mulai 1 hingga 9 November 2012.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

## LAMPIRAN

### AKTIVITI PENGEDARAN PAMPHLET “NO PLOLYSTRENE” DI PASAR MALAM

TARIKH	MASA	PASAR MALAM	PENGANJUR
18/10/12 (Khamis)	6.00 – 9.00 malam	Pmtg Berangan ( B), Jalan Pokok Tampang, Tasek Gelugor	JKKK Tasek Gelugor,SPU
20/10/12 ( Sabtu )	6.00 – 9.00 malam	Taman Pauh Indah	JKKK Taman Pauh Indah
24/10/12 (Rabu)	6.00 – 9.00 malam	Berhampiran Pasar Lama, Kepala Batas	JKKK Kepala Batas
25/10/12 (Khamis)	6.00 – 9.00 malam	Taman Tun Dr Awang	JKKK Bagan Ajam
1/11/12 ( Khamis)	6.00 – 9.00 malam	Rumah Pangsa Mak Mandin	JKKK Kg Simpah
3/11/12 ( Sabtu)	6.00 – 9.00 malam	Taman Mesra Bagan Lalang	JKKK Kg Simpah
8/11/12 (Khamis)	6.00 – 9.00 malam	Taman Desa Murni Fasa I	JKKK Sg Dua
16/11/12 ( Jumaat)	6.00 – 9.00 malam	Bertam Perdana Kepala Batas	Persatuan Penduduk Bertam Perdana
17/11/12 ( Sabtu )	6.00 – 9.00 malam	Guar Perahu, MK 21, Seberang Perai Tengah	JKKK MK 21 Guar Perahu
25/11/12 ( Ahad )	6.00 – 9.00 malam	Alma	JKKK Alma dan Bukit Minyak
26/11/12 ( Isnin )	6.00 – 9.00 malam	Desa Damai	JKKK Pdg Lalang/Sg Rambai

30/11/12 (Jumaat )	6.00 – 9.00 malam	Rizab JPS Sg Kubang Semang	Masjid Jamek Kubang Semang
6/12/12 ( Khamis )	6.00 – 9.00 malam	Kg Sekolah, Juru	JKKK Kg Sekolah, Juru
7/12/12 ( Jumaat )	6.00 – 9.00 malam	Taman Chai Leng	JKKK Perai I
18/12/12 ( Selasa )	6.00 – 9.00 malam	Taman Sri Janggus	Persatuan Penduduk Taman Sri Janggus
24/12/12 ( Selasa )	6.00 – 9.00 malam	Sg Baong	JKKK Sg Duri
27/12/12 ( Khamis )	6.00 – 9.00 malam	Bandar Tasek Mutiara ( berhampiran pasaraya 800)	JKKK Kepala Gajah